

## **HLB KEMERIAHAN BERSAMA PROTON PROMOTION**

Last Updated on 31 March 2026

### **PROMOTION PERIOD**

The Hong Leong Bank Berhad's (Registration No. 193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") and the Hong Leong Islamic Bank Berhad's (Registration No. 200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (collectively referred to as the "**Bank**") "**HLB Kemeriahan Bersama Proton Promotion**" ("**Promotion**") commences on 1 April 2026 and ends on 31 May 2026, both dates inclusive ("**Promotion Period**"), unless notified otherwise.

### **TERMS & CONDITIONS**

The following sets out the terms and conditions applicable to the Promotion ("**T&Cs**"):

### **ELIGIBILITY**

1. The Promotion is open to all new and existing individual and/or non-individual customers of the Bank ("**Customers**").
2. Non-individual customers refer to companies, corporate bodies, associations, clubs, schools, societies, non-profit organisations, sole proprietors, partnerships and professional practices, duly registered and incorporated in Malaysia.
3. The Bank's participating products ("**Participating Products**") for this Promotion are as follows:
  - (a) Hong Leong Auto Loan Fixed Rate;
  - (b) Hong Leong Auto Loan Variable Rate; and
  - (c) Hong Leong Auto Financing-I;
4. The Bank reserves the right to disqualify any Eligible Customer who:
  - (i) has in the past committed or is reasonably suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any facilities granted by the Bank;
  - (ii) is facing bankruptcy proceedings or has been declared bankrupt either before, during or after the Promotion Period; and/or
  - (iii) has breached any terms and conditions of this Promotion and/or terms and conditions of the Participating Products at any time before, during or after the Promotion Period.

### **PROMOTION MECHANICS**

5. In order to participate in this Promotion, Customers are required to fulfil the following criteria ("**Qualifying Criteria**") during the Promotion Period:
  - (a) apply for either one of the Participating Products to purchase any new Proton vehicle ("**Vehicle**") as listed below:
    - (i) Proton Saga (all variants);
    - (ii) Proton Iriz (all variants);
    - (iii) Proton Persona (all variants);

- (iv) Proton S70 (all variants);
  - (v) Proton X50 (all variants);
  - (vi) Proton X70 (all variants);
  - (vii) Proton X90 (all variants); and
- (b) have their application approved by the Bank and disbursement of the financing is made during the Promotion Period (“**Successful Application**”).
6. Customers who have fulfilled the Qualifying Criteria stipulated under Clause 5 above during the Promotion Period (“**Eligible Customers**”) will be entitled to entries (“**Contest Entries**”) based on the following financing amounts:

**Table 1: Conditions and Number of Contest Entries**

<b>Condition(s)</b>	<b>Number of Contest Entries awarded</b>
Successful application with financing amount below RM50,000	1 Entry per Successful Application
Successful application with financing amount of RM50,000 and above	2 Entries per Successful Application

**PROMOTION FULFILMENT**

7. Each entry shall qualify for a chance to win one of the promotion prizes (“**Prize**”) in which the Prize(s) are provided by the Bank as specified in Table 2 below:

**Table 2: Promotion Prize**

<b>Prize Category</b>	<b>Prize</b>	<b>Total Winners</b>
Grand Prize	Apple iPhone 17 Pro	1
Second Prize	Dyson V8 Absolute	2
Third Prize	Apple 11-inch iPad A16	3
Fourth Prize	Electrical and Electronic Appliances worth RM250	10
Consolation Prize	RM100 AEON Gift Voucher	45
Consolation Prize	RM100 Petronas Gift Card	45

8. The Promotion fulfilment will be done by Proton Edar Sdn. Bhd. (198501001087 (133533A)) (“**Proton**”).

9. Eligible Customers will be randomly selected (the “**Shortlisting Process**”) via an automated selection system by Proton based on all entries earned from the Promotion Period.
10. The selected winners (“**Winners**”) will be contacted by Proton no later than **sixty (60) days** from 31 May 2026 (“**Notification Date**”) via his/her email address or phone call. If the Winners fails to provide a valid email address or updated mobile number, the Prize shall be forfeited and no further appeal shall be entertained by the Bank.
11. The Bank and Proton give no representation or warranty with respect to the quality or suitability of the Prize and shall not be responsible for replacing any lost, stolen or damaged items (whether due to defects in materials or workmanship by the manufacturer/supplier/ vendor under warranty or otherwise). The Winner shall, at their own costs and expense, deal directly with the manufacturer(s)/supplier(s)/vendor(s) for any complaint, dispute or claim in relation to the Prize without recourse to the Bank and Proton.
12. In the event any of the Prizes becomes unavailable due to whatsoever reason(s), the Bank reserves the right to provide a replacement item of similar or higher value for the Prize at the discretion of the Bank.
13. In the event the Bank or Proton has a prize giving ceremony, the Winner will be required to attend at his/her own cost and expense to collect the Prize and the Bank or Proton shall not be responsible for bearing such costs. In the event the Winner is not able to attend the prize giving ceremony, the Winner can nominate a representative to be present at the prize giving ceremony to accept the Prize on his/her behalf and the terms set herein shall be applicable to the representative. The representative will be required to present a written authorisation from the Winner and a colored and clear photocopy of the Winner’s NRIC (front and back) or valid Passport.
14. The Bank and Proton reserves the right to use the names and/or photographs of the Winners as materials for the purposes of publicity, without any prior notice to the Winners. The Winners shall not be entitled to claim ownership or other forms of compensation for the materials.
15. In the event a Winner chooses not to accept any of the Promotion Prizes, no replacement or exchange of the Promotion Prizes will be entertained.

#### **GENERAL**

16. The Promotion is **NOT** valid with any other on-going promotions offered by the Bank and Proton.
17. By participating in the Promotion, the Eligible Customers agree:
  - (a) to have read, understood and agreed to be bound by the Terms and Conditions of the Promotion and the HLB Terms and Conditions of Hire Purchase Agreement

- and/or HLISB Terms and Conditions of Hire Purchase-i Agreement, where applicable;
- (b) that all records of transactions captured by the Bank's system within the Promotion Period shall be conclusive, accurate and final;
  - (c) that all applications for the Participating Products are subject to the Bank's credit evaluation and approval;
  - (d) that the Bank's decision on all matters relating to the Promotion and applications shall be final, conclusive and binding on all Customers;
  - (e) to have read, understood and agreed to be bound by the [Bank's Privacy Notice](#);
  - (f) to access the T&Cs at Promotion Website at regular intervals to view the T&Cs of the Promotion and ensure to be kept up to date on any changes or variations to the T&Cs; and
  - (g) to authorise the Bank to disclose their personal data i.e., name, contact numbers, and address to Proton and any other vendor and/or supplier(s) appointed by the Bank for the purpose of communication and fulfilment of Promotion Prizes for this Promotion.
18. The Bank reserves the right:
- (a) to add, delete, suspend or amend the T&Cs contained herein, either wholly or partially, or to suspend or terminate the Promotion at its discretion, by giving twenty-one (21) days' prior notice to the Eligible Customers by way of posting on the Promotion Website or in any other manner which the Bank deems practical;
  - (b) to disqualify the Eligible Customers for any reason whatsoever as the Bank may deem fit to participate in the Promotion and/or be entitled to the Prize; and
  - (c) to claw back the Prize in the event there is any detected fraud or breaches against the Promotion's T&Cs.
19. In the event of any discrepancies between the T&Cs herein as compared to the advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with this Promotion, the latest Promotion T&Cs at the Promotion Website shall prevail.
20. The T&Cs contained herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and Eligible Customers agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
21. Words denoting one gender include all other genders and words denoting the singular include the plural and vice versa.

If you have any enquiries regarding these T&Cs, please reach out to the Bank's Auto Loan sales representatives.

## **PROMOSI HLB KEMERIAHAN BERSAMA PROTON**

Kemas kini terakhir pada 31 Mac 2026

### **TEMPOH PROMOSI**

“Promosi HLB Kemeriahan Bersama Proton” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (No. Pendaftaran 193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**pihak Bank**”) bermula pada 1 April 2026 dan berakhir pada 31 Mei 2026, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“**T&S**”):

### **KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu dan/atau bukan individu yang baharu dan sedia ada pihak Bank (“**Pelanggan**”).
2. Pelanggan bukan individu merujuk kepada syarikat, badan korporat, persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan professional, yang berdaftar dan diperbadankan di Malaysia.
3. Produk Bank yang mengambil bahagian (“**Produk Sertaan**”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
  - (a) Pinjaman Auto Kadar Tetap Hong Leong;
  - (b) Pinjaman Auto Kadar Berubah Hong Leong; dan
  - (c) Pembiayaan Auto-i Hong Leong
4. Pihak Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang:
  - (i) telah melakukan, atau disyaki secara munasabah melakukan penipuan, kesalahan undang-undang atau salah laku berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank;
  - (ii) sedang menghadapi prosiding kebangkrapan atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
  - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini dan/atau terma dan syarat Produk Sertaan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

### **MEKANIK PROMOSI**

5. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi kriteria berikut (“**Kriteria Kelayakan**”) semasa Tempoh Promosi:
  - (a) memohon salah satu daripada Produk Sertaan untuk membeli kenderaan baharu (“**Kenderaan**”) seperti yang disenaraikan di bawah:
    - (i) Proton Saga (semua varian);
    - (ii) Proton Iriz (semua varian);
    - (iii) Proton Persona (semua varian);

- (iv) Proton S70 (semua varian);
  - (v) Proton X50 (semua varian);
  - (vi) Proton X70 (semua varian);
  - (vii) Proton X90 (semua varian); dan
- (b) permohonan telah diluluskan oleh pihak Bank dan pembiayaan dikeluarkan semasa Tempoh Promosi ("**Permohonan Berjaya**").
6. Pelanggan yang telah memenuhi Kriteria Kelayakan yang dinyatakan di bawah Klausa 5 di atas semasa Tempoh Promosi ("**Pelanggan Layak**") akan layak mendapat penyertaan ("**Penyertaan Peraduan**") berdasarkan jumlah pembiayaan berikut:

**Jadual 1: Syarat dan Bilangan Penyertaan Peraduan**

Syarat	Bilangan Penyertaan Peraduan yang diberikan
Permohonan Berjaya dengan jumlah pembiayaan di bawah RM50,000	1 Penyertaan bagi setiap Permohonan Berjaya
Permohonan Berjaya dengan jumlah pembiayaan RM50,000 dan ke atas	2 Penyertaan bagi setiap Permohonan Berjaya

**PEMENUHAN PROMOSI**

7. Setiap penyertaan akan melayakkan satu peluang untuk memenangi salah satu daripada hadiah promosi ("**Hadiah**") di mana Hadiah tersebut disediakan oleh pihak Bank di dalam Jadual 2 di bawah:

**Table 2: Hadiah Promosi**

Kategori Hadiah	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	Apple iPhone 17 Pro	1
Hadiah Kedua	Dyson V8 Absolute	2
Hadiah Ketiga	Apple 11-inch iPad A16	3
Hadiah Keempat	Peralatan Elektrik dan Elektronik bernilai RM250	10
Hadiah Saguhati	Baucar Hadiah AEON RM100	45
Hadiah Saguhati	Kad Hadiah Petronas RM100	45

8. Pemenuhan Promosi akan dilakukan oleh Proton Edar Sdn. Bhd. (198501001087 (133533A)) ("**Proton**").

9. Pelanggan Layak akan dipilih secara rawak ("**Proses Penyenaiaan Pendek**") melalui sistem pemilihan automatik oleh Proton berdasarkan semua penyertaan yang diperolehi dari Tempoh Promosi.
10. Pemenang yang terpilih ("**Pemenang**") akan dihubungi oleh Proton tidak lewat daripada enam puluh (60) hari dari 31 Mei 2026 ("**Tarikh Pemberitahuan**") melalui e-mel atau panggilan telefon. Jika Pemenang gagal memberikan alamat e-mel yang sah atau nombor telefon yang terkini, Hadiah tersebut akan dibatalkan dan tiada rayuan lanjut akan dilayan oleh pihak Bank.
11. Pihak Bank dan Proton tidak membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang barangan yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan pada bahan atau mutu kerja oleh pengeluar/pembekal/vendor di bawah waranti atau sebaliknya). Pemenang hendaklah, atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri, berurusan secara langsung dengan pengeluar/pembekal/vendor untuk sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah tersebut tanpa sebarang hak tuntutan terhadap pihak Bank dan Proton.
12. Sekiranya mana-mana Hadiah tidak dapat disediakan atas apa jua sebab sekalipun, pihak Bank berhak untuk menggantikannya dengan item yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi bagi Hadiah tersebut atas budi bicara pihak Bank.
13. Sekiranya pihak Bank, atau Proton mengadakan majlis penyampaian hadiah, Pemenang dikehendaki hadir atas kos dan perbelanjaannya sendiri untuk mengambil Hadiah tersebut dan pihak Bank atau Proton tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung kos tersebut. Sekiranya Pemenang tidak dapat hadir ke majlis penyampaian hadiah, Pemenang boleh melantik seorang wakil untuk hadir ke majlis penyampaian hadiah tersebut bagi menerima Hadiah bagi pihaknya dan terma-terma yang ditetapkan di sini akan terpakai kepada wakil tersebut. Wakil tersebut akan dikehendaki mengemukakan kebenaran bertulis daripada Pemenang dan salinan fotostat yang berwarna dan jelas bagi Kad Pengenalan Pemenang (depan dan belakang) atau Pasport yang sah.
14. Pihak Bank dan Proton berhak menggunakan nama dan/atau gambar Pemenang sebagai bahan untuk tujuan publisiti, tanpa sebarang notis awal kepada Pemenang. Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan lain ke atas bahan tersebut.
15. Sekiranya Pemenang memilih untuk tidak menerima mana-mana Hadiah Promosi, tiada penggantian atau pertukaran Hadiah Promosi akan dilayan.

#### **AM**

16. Promosi ini **TIDAK** sah dengan mana-mana promosi lain yang sedang ditawarkan oleh pihak Bank dan Proton.
17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju:

- (a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Promosi ini dan Terma & Syarat Pinjaman Auto Kadar Tetap Hong Leong dan/atau Terma & Syarat Pembiayaan Auto-i Hong Leong, di mana berkenaan;
  - (b) bahawa semua rekod transaksi yang direkodkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah tepat dan muktamad;
  - (c) bahawa semua permohonan untuk Produk Sertaan adalah tertakluk pada penilaian kredit dan kelulusan pihak Bank;
  - (d) bahawa keputusan pihak Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi dan permohonan adalah muktamad, konklusif dan mengikat kepada semua Pelanggan;
  - (e) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan [Notis Privasi Bank](#);
  - (f) untuk mengakses T&S di Laman Web Promosi secara berkala untuk melihat T&S Promosi dan memastikan untuk sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau variasi pada T&S; dan
  - (g) untuk memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan data peribadi seperti nama, nombor telefon, dan alamat kepada Proton dan mana-mana vendor dan/atau pembekal lain yang dilantik oleh pihak Bank untuk tujuan komunikasi dan pemenuhan Hadiah Promosi bagi Promosi ini.
18. Pihak Bank berhak untuk:
- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Promosi ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan Layak dengan cara memaparkannya di Laman Web Promosi atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank;
  - (b) membatalkan kelayakan Pelanggan Layak daripada menyertai Promosi dan/atau kelayakan untuk menerima Hadiah atas apa-apa sebab yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank; dan
  - (c) dan menarik balik Hadiah sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan atau pelanggaran terhadap T&S Promosi.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, T&S Promosi terkini di Laman Web Promosi akan diguna pakai.
20. T&S yang terkandung di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
21. Perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila hubungi wakil jualan Pinjaman Auto pihak Bank.